



ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

2012

A. LATARBELAKANG

Sepanjang tahun 2012, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) telah melaksanakan fungsi statutorinya dalam menasihati Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tentang beberapa aspek masalah rasuah di Malaysia serta tentang dasar dan strategi SPRM dalam usahanya membanteras gejala rasuah di negara ini. LPPR sewajarnya menyokong segala usaha dan tindakan yang diambil SPRM demi memantapkan serta meningkatkan lagi prestasinya. Adalah diharapkan keyakinan masyarakat dalam dan luar negara terhadap keberkesanan usaha SPRM dalam pencegahan rasuah di Malaysia akan berterusan dan bertambah.

B. ULASAN

PENCAPAIAN

a. Peningkatan Ranking CPI

Ucapan syabas dan tahniah harus diberikan kepada pihak SPRM yang telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi memerangi jenayah rasuah sehingga berjaya meningkatkan skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) kepada tahap yang lebih baik bagi tahun 2012, iaitu di kedudukan ke-54 daripada 174 buah negara, berbanding ke-60 pada tahun 2011.

b. Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa

Dato 'Sri Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah pada November 2012 dilantik sebagai Naib Pengurus *Board of Governors, International Anti-Corruption Academy (IACA)*, Vienna, Austria bagi tempoh enam (6) tahun. Pelantikan itu dibuat sempena Perhimpunan Pertama IACA di United Nations, Austria. Pelantikan ini adalah satu pengiktirafan serta penghargaan kepada negara Malaysia amnya dan kepada Dato' Sri Abu Kassim bin Mohamed khususnya.

LPPR ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dato' Sri Abu Kassim bin Mohamed.

c. Transformasi

SPRM di bawah teraju Dato' Sri Abu Kassim bin Mohamed telah mengambil tindakan melaksanakan pelan strategik di dua bidang utama, iaitu operasi dan modal insan. Pelbagai penambahbaikan sistem pengurusan operasi dilaksanakan termasuk melengkapkan premis dan pejabat SPRM di peringkat persekutuan dan negeri dengan infrastruktur yang canggih dan berteknologi tinggi serta menyediakan sumber manusia yang pakar dan terlatih dalam bidang-bidang berkaitan.

Tenaga kerja yang profesional, kompeten dan berkepakaran tinggi dalam pelbagai bidang amat diperlukan dalam menjayakan usaha pencegahan rasuah yang dilihat sebagai semakin kompleks dan melepassi batasan sempadan. Sehubungan dengan itu, LPPR berpendapat bahawa SPRM harus mengambil tindakan segera ke arah pencapaian matlamat ini.

LPPR menyokong sepenuhnya transformasi modal insan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET), di mana setiap pegawai diberi latihan secara berstruktur dalam bidang kemahiran masing-masing seperti perundangan, operasi dan forensik. Tenaga pakar bagi sesuatu bidang kritikal yang dikenal pasti hendaklah dilantik secara kontrak bagi mengisi beberapa kekosongan yang memerlukan penguasaan dalam bidang-bidang tertentu.

Dalam usaha ini, Akademi Pencegahan Rasuah (MACA) dengan kerjasama agensi antarabangsa memainkan peranan utama dengan melengkapkan modul-modul latihan bersepadu yang relevan seperti teknik PEACE dan teknik REID. PEACE ialah *Preparation and Planning, Engage and Explain, Account, Clarification and Challenge, Closure, Evaluation* sementara teknik REID menggunakan kaedah wawancara dalam menggabungkan kedua-dua soalan penyiasatan dan tingkah laku-memprovokasi.

d. Perhubungan Antarabangsa

Di arena antarabangsa, antara pencapaian besar SPRM pada tahun 2012 ialah kejayaannya menganjurkan *6th IAACA Annual Conference and General Meeting* pada 4-7 Oktober 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre. (*International Association of Anti Corruption Authorities*). Seramai 920 orang peserta yang mewakili 111 buah agensi pencegahan rasuah dan 10 buah organisasi antarabangsa dari serata dunia telah menghadiri persidangan antarabangsa tersebut. Pada persidangan tersebut, SPRM telah diberi penghormatan untuk membentangkan tiga (3) kertas kerja berkaitan dengan pencegahan rasuah.

Pihak berkuasa anti rasuah dari setiap negara telah berpeluang berkongsi strategi dan kapasiti dalam memerangi rasuah dengan lebih efektif. Kejayaan SPRM menganjurkan persidangan antarabangsa ini dapat meyakinkan masyarakat dalam negara dan antarabangsa tentang kewibawaannya menjalankan usaha membanteras rasuah.

e. Sokongan Pihak Relevan

LPPR dalam membantu SPRM melaksanakan tugasnya dengan lebih efisien dan berkesan, telah membuat pertemuan bersama Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara, Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah dan Presiden Majlis Peguam. Antara isu-isu yang telah dibincangkan adalah mengenai pengisytiharan harta Anggota Pentadbiran Persekutuan, pengisian jawatan, pendakwaan kes-kes rasuah di mahkamah serta isu kehadiran peguam semasa proses rakaman percakapan anak guam.

LPPR mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan persetujuan dan sokongan ke atas isu-isu yang dibincangkan untuk membantu SPRM melaksanakan tugas statutorinya.

CADANGAN

LPPR berpandangan cadangan-cadangan berikut perlu dilaksanakan demi keberkesanan usaha SPRM membanteras rasuah:

Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah

- a) LPPR sekali lagi menekankan keperluan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah yang akan bertanggungjawab bagi pelantikan, pengesahan dan kenaikan pangkat warga SPRM. Penubuhan ini akan membolehkan SPRM mempunyai mekanisme pengurusan sumber tenaga kerja yang lebih berkesan dan memastikan kapasiti dan kompetensi pegawai SPRM dibentuk dengan baik.

Jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM

- b) Jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM wajar dinaikkan taraf setanding dengan jawatan-jawatan penting negara seperti Peguam Negara dan Ketua Audit Negara bagi menjamin ketelusan dan kebebasan SPRM dalam menghadapi cabaran pembasmian rasuah. Sehubungan dengan itu, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM perlu diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan bukan di bawah Akta Pencegahan Suruhanjaya Rasuah Malaysia 2009.

Pindaan Undang-undang

- c) LPPR bersepakat dengan cadangan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) untuk meminda seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Seksyen ini didapati boleh mewujudkan ruang dan peluang bagi penyalahgunaan kuasa khususnya berhubung isu pemberian kontrak, tender, tanah, perolehan atau sebagainya oleh seseorang anggota pentadbiran kepada ahli-ahli keluarga terdekat.

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 telah pun berkuasa selama empat (4) tahun. Pihak pendakwaan SPRM telah pun mengenal pasti beberapa peruntukan di dalam Akta yang perlu dipinda demi kejayaan pendakwaan kes-kes rasuah di mahkamah. LPPR berharap tindakan akan diambil dengan pihak relevan untuk menghasilkan matlamat ini.

Hubungan Awam

- d) LPPR amat prihatin mengenai imej awam SPRM yang dipamerkan menerusi media seperti akhbar, radio, televisyen dan Internet kerana ini memainkan peranan besar dalam mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap keberkesanannya SPRM sebagai sebuah badan pencegahan rasuah negara. Apa-apa kenyataan yang dikeluarkan menerusi temu bual dan sidang media perlu disediakan dengan teliti dalam bahasa yang tepat, disemak dan ditapis supaya tidak menimbulkan kontroversi atau salah tafsir.

Bahagian Komunikasi Strategik SPRM perlu mempunyai pegawai-pegawai yang pakar dan terlatih dalam bidang media dan hubungan awam yang boleh memantau media dan menganalisis penulisan-penulisan yang berkaitan dengan SPRM. Penyediaan bahan-bahan bertulis seperti *press release* perlu disediakan dengan baik. Amat penting bagi Bahagian Komunikasi Strategik SPRM menjalinkan hubungan mesra dengan media menerusi *media engagement* dan *media networking*.

CABARAN SEMASA

LPPR berpendapat bahawa cabaran besar SPRM yang perlu ditangani ialah untuk meyakinkan masyarakat tentang keberkesanan usaha SPRM dalam memerangi gejala rasuah. LPPR memandang serius isu persepsi masyarakat dan menyarankan supaya tindakan-tindakan diambil untuk mempertingkatkan keyakinan rakyat. Tindakan-tindakan tersebut perlu untuk membolehkan SPRM mendapat sokongan dan kerjasama masyarakat untuk menjalankan kerja-kerja pencegahan rasuah. Tanpa sokongan dan kerjasama tersebut, gejala rasuah dan penyelewengan kuasa akan berterusan dan menular di dalam negara. Ini akan menjelaskan imej negara dalam hubungan dengan negara-negara serantau dan antarabangsa.

Antara isu yang sering diutarakan ialah keengganan atau kelewatan SPRM menyiasat kes-kes rasuah berprofil tinggi serta yang melibatkan orang-orang kenamaan. LPPR mengambil maklum bahawa SPRM melaksanakan tugas siasatannya berdasarkan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme tanpa mengikut telunjuk atau arahan mana-mana pihak. Kelewatan pendakwaan sesuatu kes yang berprofil tinggi adalah disebabkan oleh kerumitan serta kesukaran untuk mendapatkan keterangan yang boleh menjamin kejayaan kes-kes rasuah tersebut. Terdapat juga kes-kes yang merentasi sempadan yang menyulitkan perolehan keterangan dokumentari serta keterangan individu yang berada di luar negara.

C. RUMUSAN

LPPR merakamkan ucapan tahniah serta syabas atas usaha gigih SPRM sepanjang tahun 2012 untuk membanteras jenayah rasuah. Tanggungjawab mencegah gejala rasuah dan penyelewengan kuasa merupakan amanah yang berat dan memerlukan dedikasi serta komitmen yang tidak berbelah bagi. Adalah diperhatikan, di bawah kepimpinan Ketua Pesuruhjaya, barisan Pengurusan Tertinggi serta komitmen warga SPRM, tanggungjawab ini dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Seterusnya, LPPR mengalu-alukan kerjasama dan sokongan padu semua pihak bagi membantu SPRM dalam usahanya mencegah jenayah rasuah demi memperkuatkannya integriti negara dan meletakkan Malaysia di kalangan negara yang maju dan berwibawa.

LAMPIRAN A

TERMA RUJUKAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

- a) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia.
- b) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya untuk membanteras rasuah.
- c) Untuk menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya.
- d) Untuk meneliti dan mengendorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya.
- e) Untuk meneliti laporan tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- f) Untuk mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya sebelum dikemukakan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

LAMPIRAN B

SENARAI ANGGOTA

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH



Puan Sri Zaitun Zawiyah Puteh
Mantan Peguam Cara Negara
(Pengerusi)



**Tan Sri Datuk Amar (Dr.)
Haji Hamid Bugo**
Mantan Setiausaha Kerajaan
Negeri Sarawak



**Prof. Tan Sri Dr. Mohd
Kamal Hassan**
Mantan Rektor Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia (UIAM)



**Tan Sri Dato' Sri Mohamed
Jawhar Hassan**
Pengerusi
New Straits Times



**Tan Sri Dato' Seri Megat
Najmuddin bin Haji Megat
Khas**
Presiden Institut Tadbir Urus
Korporat Malaysia



**Tan Sri Datuk Seri Panglima
Simon Sipaun**
Mantan Pesuruhjaya
Suruhanjaya Hak Asasi
Manusia Malaysia (SUHAKAM)



Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
Pengarah Urusan Royal
Selangor International
Sdn Bhd



Tan Sri Ismail Adam
Mantan Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam



**Tan Sri Rashpal Singh a/l
Jeswant Singh**
Timbalan Pengurus
Knight Capital Sdn. Bhd.



**Tan Sri Dato' Dr. Michael
Yeoh Oon Kheng**
Ketua Pegawai Eksekutif
*Asian Strategy & Leadership
Institute (ASLI)*



**Prof. Datuk Dr. Shamsul
Amri Baharuddin**
Prof. di Universiti Kebangsaan
Malaysia



**Tunku Abdul Aziz
Tunku Ibrahim**
Pengasas
Transparency International
Malaysia



Dato' Anwar Fazal
Pengarah Kolej Right
Livelihood
Universiti Sains Malaysia



Datin Halimah Mohd Said
Presiden Association of
*Voices of Peace, Conscience
and Reason (PCORE)*



**Tuan Chelvarajah
Ramasamy Reddiar**
Konsultan di Sault and Co.
Peguambela dan Peguamcara



**Dato' Sri Hj. Abu Kassim
bin Mohamed**
Ketua Pesuruhjaya SPRM
(*ex-officio*)

